

**Tidak Benar Sebuah Parti Ditubuhkan Bagi Ahli Politik Tidak Berparti  
Bernama  
August 07, 2011**

KUCHING, 7 Ogos (Bernama) -- Bekas Menteri Muda negeri di Jabatan Ketua Menteri Sarawak, Larry Sng, yang namanya dikaitkan dengan cadangan penubuhan parti baru untuk ahli politik yang tidak mewakili mana-mana parti politik, berkata perkara itu adalah tidak benar.

Sng, yang baru-baru ini dilantik sebagai penasihat belia di Jabatan Ketua Menteri berkata beliau akan aktif dalam politik apabila tiba masanya.

"Parti Barisan Nasional (BN) Baru dalam proses penubuhan untuk memberikan tempat kepada beliau? Ini hanya satu angan-angan..." katanya dalam Facebook beliau.

Bagi saya, katanya, tidak ada kebenaran berkaitan perkara tersebut kerana beliau kini menumpukan perhatian pada pembangunan belia di Sarawak.

Merujuk pada satu laporan berita yang pertama disiarkan dalam akhbar harian Cina, beliau berkata sesetengah bekas ahli politik atau yang telah dipinggirkan mungkin mencuba untuk menggunakan namanya untuk kepentingan politik mereka sendiri.

Menurut laporan itu, parti tersebut yang belum lagi didaftarkan penubuhannya mendapat sokongan kuat daripada Barisan Nasional (BN) negeri dan dipercayai diterajui oleh seorang ahli politik yang terkenal bergelar Datuk.

Dikatakan diilhamkan untuk ahli-ahli politik yang tidak mewakili mana-mana parti politik termasuk Sng, parti itu akan mempunyai 33 ahli Majlis Tertinggi yang mengandungi 22 Dayak dan sembilan Cina.

Sng tidak dicalonkan untuk mempertahankan kerusi Pelagus pada pilihan raya negeri 16 April lepas setelah beliau tidak disenaraikan dalam Parti Rakyat Sarawak (PRS).

Beliau digugurkan daripada PRS, yang diwakili pada pilihan raya negeri 2006, berikutan Sng disingkirkan daripada parti itu ekoran kemelut kepimpinannya pada 2007.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newspolitic.php?id=606471>